

14 APR 1998

Mahathir-Air

KERJASAMA ANTARA NEGERI UNTUK ATASI BEKALAN AIR

KUALA LUMPUR, 14 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerjasama antara negeri-negeri untuk menyelaraskan bekalan air boleh dilakukan dalam masa yang terdekat.

Ini memandangkan negeri-negeri mula menganggap perkara itu sebagai perkara yang mendesak ekoran masalah bekalan air yang melanda beberapa negeri sekarang, kata Perdana Menteri.

"Kita akan bekalkan air umpamanya dari Kedah dan Perak ke Pulau Pinang, dari Pahang ke Selangor," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan seminar "Realiti Maya" di Pusat Pameran Mines di Sungai Besi dekat sini.

Dr Mahathir berkata walaupun kosnya tinggi kerana perlu merentasi bukit, ia boleh dilakukan.

Katanya kerajaan pusat telah membincangkan perkara itu dengan kerajaan-kerajaan negeri dan mereka memahami perlunya memberi kerjasama.

Mesyuarat Majlis Tertinggi Umno turut membincangkan perkara itu dengan menteri-menteri besar, katanya.

Beliau berkata kerajaan pusat tidak berniat untuk mengambil alih kuasa negeri berhubung bekalan air tetapi sekadar mengadakan penyelarasan.

"Kita telah lama cuba mengadakan Majlis Air Negara tetapi masing-masing negeri ingin mengawal hak mereka.

"Ini menjadi masalah...kita tak berniat untuk mengambil kuasa negeri, hanya untuk menyelaraskan sahaja supaya bekalan air dari negeri yang mempunyai banyak air boleh disalurkan ke negeri yang tidak mencukupi bekalan air," kata Dr Mahathir.

Ketika menjawab satu soalan, Dr Mahathir berkata masalah bekalan air itu tidak menjejaskan pelaburan ke negara ini.

"Saya rasa ia tidak menjejaskan aliran masuk pelaburan kerana bagi pelaburan masa akan datang, kita akan buat persediaan untuk itu. Tahun ini luar biasa, kita tidak alami kemarau panjang seperti ini tiap tahun," kata Perdana Menteri.

Apabila ditanya sama ada masalah bekalan air itu turut berpunca daripada pengurusan di peringkat negeri, beliau berkata ada kemungkinan negeri-negeri tidak menjangka kemarau yang berpanjangan ini.

Memandangkan bekalan air terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, ada di kalangan mereka yang mungkin menganggap mereka sudah membuat persediaan yang mencukupi.

Ketika ditanya sama ada kalangan industri telah diminta mengurangkan pengeluaran ekoran kekurangan bekalan air, Dr Mahathir berkata beliau tidak mengetahuinya.

"Saya tidak tahu sama ada mereka telah diminta berbuat demikian tetapi saya rasa mereka sudah membuat persediaan untuk itu. Di sesetengah tempat pihak industri sendiri menggali perigi tetapi kita tidak boleh mempunyai terlalu banyak perigi."

Apabila ditanya tentang perbuatan "menuding jari" di tengah-tengah krisis air di Lembah Klang, sambil tersenyum beliau berkata: "Yalah, kita menuding jari terhadap semua pihak, akhbar menuding jari terhadap kami, kami terpaksalah menuding jari terhadap orang lain pula." -- BERNAMA

AZZ NMO